

Meningkatkan Kecekapan Murid Dalam Menghasilkan Karangan Naratif

Mohamad Iskandar Mohamad Yaakop

mohamad_iskandar_mohd_yaakop@schools.gov.sg

Sekolah Rendah New Town

Abstrak

Membina kecekapan murid menghasilkan karangan naratif merupakan satu cabaran guru. Kemahiran menulis secara kreatif dan berkesan bukan hanya satu keupayaan untuk mengolah jalan cerita semata-mata. Keupayaan tersebut sememangnya turut mampu mempertingkatkan kebolehan murid untuk memperkukuh lagi penguasaan bahasa secara menyeluruh. Murid diharapkan dapat meningkatkan keupayaan mereka dalam penghayatan teks naratif. Oleh itu, kajian ini, dijalankan bagi menganalisis dapatan daripada rubrik yang memperlihatkan pecahan kepada beberapa aspek penulisan yang ingin diperbaiki. Tahap persediaan, pengetahuan sedia ada dan penguasaan bahasa murid juga diambil kira dalam menentukan kerencaman pendekatan yang sesuai diajarkan kepada mereka secara bertahap-tahap.

Kata Kunci: kreatif, jalan cerita, teks naratif, penaksiran sumatif

PENGENALAN

Murid akan berkomunikasi berdasarkan pelibatan mereka dalam pelbagai aspek kehidupan mereka. Proses sosial yang tercetus dalam perhubungan antara murid dengan keluarga atau rakan-rakan dalam lingkungan urusan seharian mereka turut mempengaruhi penguasaan bahasa mereka. Bahasa yang digunakan seharian sekaligus menjadi bahasa penulisan murid di sekolah dan sedikit sebanyak mencerminkan kemahiran mereka untuk berbahasa. Justeru, tugas guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan kemampuan berbahasa murid melalui pelbagai cara. Antara lain, novel, karangan contoh daripada sekolah-sekolah lain yang diterbitkan secara zon atau kelompok sekolah, serta karangan contoh daripada langganan majalah untuk murid pada setiap penggal. Aktiviti mengajar melakukan tunjuk cara atau modeling yang digunakan membantu murid menukilkan isi-isi penting yang boleh disesuaikan untuk penulisan mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Penghasilan sesebuah karangan bermula daripada idea dan pengalaman. Murid secara amnya, memerlukan pelbagai wadah bagi memperluas pemikiran dan pengalaman mereka. Ini dapat dicapai melalui aktiviti-aktiviti penulisan yang bersifat penghayatan terhadap cerpen atau karangan contoh.

Guru perlu peka tentang hal ini dan harus bertindak sewajarnya supaya dapat menggerakkan minda murid untuk melahirkan isi karangan yang diharapkan.

Walaupun begitu, murid kerap mengalami kesukaran mengamati dan menghayati bahan yang dibaca dengan sepenuhnya. Murid tidak mampu membuat andaian, dan memahami sepenuhnya apa yang telah mereka baca. Ini disebabkan penguasaan bahasa dan pengalaman mereka yang agak terbatas. Murid juga kurang cekap dan yakin untuk menggunakan kata-kata dan frasa-frasa yang disarankan dan diserlahkan dengan sendiri tanpa bimbingan guru.

Pada tahun 2013, suatu pakej telah didedahkan dan diperkenalkan kepada murid. Walaupun beberapa pendekatan telah diperkenalkan secara bertahap-tahap dari peringkat Darjah 3 dan 4 lagi, pakej-pakej yang lengkap ini khasnya disasarkan kepada murid Darjah 5 dan 6. Pakej Pengayaan Karangan dan Pakej Ulasan Buku telah pun melalui beberapa tahap penghalusan agar menjadi alat untuk memantau perkembangan kemahiran murid mengarang secara lebih berkesan.



Kedua-dua pakej yang diketengahkan ini dibina bagi menyokong proses dan pendekatan yang perlu dijalankan demi memperkaya hasil karya murid. Pakej Kemahiran Karangan dan Pakej Ulasan Buku diamalkan sebagai pendekatan utama bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan menulis dalam kalangan murid Darjah 5 untuk menghasilkan karangan-karangan yang kreatif dan berkesan. Pakej-pakej tersebut mengandungi latihan-latihan yang merangkumi aspek tatabahasa, pengayaan perbendaharaan kata, pemanfaatan peribahasa dan bidalan, proses peluasan ayat, serta penanda wacana dalam cerita yang dapat menyempurnakan karangan mereka.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan kecekapan murid menghasilkan karangan naratif;
2. meneliti keberkesanan pakej penulisan dalam menangani cabaran-cabaran menulis dan berbahasa dalam kalangan murid; dan
3. meneliti manfaat teknik-teknik yang diperlihatkan dalam latihan karangan yang dihasilkan.

Persoalan yang diharap terjawab dalam kajian ini adalah:

1. Adakah pakej ini dapat melatih murid membuat anotasi sendiri berbentuk catatan dan catatan pada bahan rujukan?
2. Adakah latihan dalam Pakej Kemahiran Karangan dan Pakej Ulasan Buku dapat dimanfaatkan oleh murid?
3. Adakah pakej-pakej ini berkesan dalam membina kemahiran murid berfikir, menyusun dan mengolah isi karangan dengan sesuai?

KAJIAN LEPAS

Murid mempunyai cabaran untuk mengembangkan kemahiran berbahasa dengan baik apabila tahap keyakinan diri mereka untuk berbahasa rendah. Ini memperlihatkan masalah yang ketara seperti kesukaran untuk bertutur, membaca dan menulis dengan berkesan. Mereka hanya menggunakan bahasa yang mudah dan ringkas, serta melakukan banyak kesilapan bahasa.

Menurut Chia dan Poh (2009), murid mempunyai masalah menggunakan bahasa dengan betul dalam pertuturan mereka. Murid mengalami kesukaran ketika ingin membuat penerangan tentang sesuatu perkara. Murid tidak dapat menjelaskan idea mereka dengan berkesan. Di samping itu, Mereka hanya dapat menggunakan pernyataan-pernyataan yang terlalu mudah. Di samping



itu, ujaran mereka tidak tersusun, dan tidak mengikut transformasi generatif yang tepat.

Menurut salah satu kajian yang dijalankan di Universiti Pendidikan Indonesia (2011) dapatan kajian tersebut menunjukkan setiap langkah dan teknik yang diperkenalkan dalam pakej-pakej penulisan dilakukan haruslah memudahkan pembelajaran murid. Dengan demikian murid dapat memberikan idea yang berkaitan dan struktur cerita dengan yakin.

KAEDAH KAJIAN

Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterapkan dalam menjalankan kajian ini memberikan penekanan pada pelaksanaan pelajaran dan penilaian dan maklum balas. Berikut merupakan penerangan proses pengajaran bagi pelaksanaan pelajaran dan penilaian dan maklum balas bagi pengajaran penulisan karangan.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas	AM3: Menggunakan Model (Objek) Guru memberikan bahan dari majalah, cerpen atau akhbar kepada murid dan menggalakkan murid menggunakan maklumat dan isi penting daripada cerita yang dibaca untuk melengkapkan setiap tugas penulisan. AM5: Menggunakan Penyusun Grafik Guru memperkenalkan murid kepada penyusun grafik bagi membantu murid menjana dan menyusun idea bagi penulisan karangan mereka.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Murid diberikan senarai semak dan set nota Pengayaan Penulisan Karangan yang merangkumi panduan-panduan utama dan senarai-senarai pengolahan isi. Murid sentiasa digalakkan menggunakan bahan-bahan ini sebagai rujukan semasa prapenulisan karangan.



Penerangan dan Justifikikasi	Aspek pengajaran ini digunakan untuk memantau keberkesanan penggunaan senarai semak dan penyusun grafik bagi membantu murid menjana idea dan menyusun idea bagi penulisan karangan mereka. Guru memberi tugas penulisan secara berperingkat agar dapat membantu murid melaksanakan tugas penulisan dengan lebih berstruktur dan sistematik.
------------------------------	---

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 5 yang terdiri daripada pelbagai keupayaan. Terdapat 27 murid Darjah 5ML1 terdiri daripada murid melebihi aras kebolehan dan pada aras kebolehan. Bagi Darjah 5ML2 pula terdapat seramai 17 murid yang terdiri daripada praaras kebolehan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 44 murid.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Rubrik Ujian Diagnostik
2. Pakej Kemahiran Karangan
3. Pakej Ulasan Buku

Satu kajian diagnostik awal telah dijalankan terhadap respons murid melalui peringkat penulisan awal ataupun peringkat praujian. Hasil dari praujian yang berfokus pada keupayaan murid untuk mengarang, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak aspek-aspek penulisan yang perlu diberikan lebih pemerhatian dan peningkatan. Namun demikian, rubrik karangan yang biasa digunakan turut menjadi rujukan bagi tujuan membandingkan pencapaian keseluruhan murid dalam penulisan karangan naratif secara bertahap-tahap.

Peringkat prapenulisan merupakan peringkat yang mementingkan minat murid tentang topik karangan yang akan ditulis. Pengembangan idea dan topik yang berkaitan dengan hal-ehwal semasa menjadi panduan bagi guru mengkhususkan topik yang ingin mereka terokai.

Prosedur Kajian

Bahan bacaan dan rujukan disediakan bagi melakukan tugas yang disediakan dalam Pakej Kemahiran Karangan dan Pakej Ulasan Buku. Pihak sekolah membuat langganan setiap penggal untuk sebuah majalah cetakan tempatan dan akhbar Melayu tempatan. Setiap murid akan melengkapkan satu nukilan teks atau cerpen bagi setiap booklet di dalam pakej-pakej tersebut. Ini



dilakukan agar murid akan terlibat dalam proses pembacaan secara intensif. Setiap perkembangan plot cerita dalam bahan rujukan atau teks akan dikupas oleh murid. Mereka akan menggunakan maklumat dan isi penting daripada cerita yang dibaca untuk melengkapkan setiap tugas penulisan di dalam pakej ini.

Rajah 1: Contoh Penyusun Grafik Pakej Pengayaan Karangan

SEKOLAH RANDAI NEW TOWN
KARANGAN DARJAT 6 & 6

Nama: _____ Kelas: _____
Tarikh: _____

Arahan: Karangan satu perenggan yang senara jalan ceritanya dengan gambar berseri di atas, berdasarkan pengalaman kamu sendiri.

Arahan: Lengkapkan penyusun grafik di bawah.

Rajah 2: Contoh Kandungan Pakej Ulasan Buku

"Sila lengkapkan barang ini. Isi ruang-ruang kosong dengan maklumat-maklumat yang sesuai!"

Tajuk Buku _____

Pemula Buku _____

Sinopsis Cerita _____
(jumlahan cerita yang ringkas)

Watak-watak Utama

(berdasarkan perenggan awal dan akhir watak dalam cerita)

Identiti dalam Cerita	
1	contoh-contoh: ✓ seorang pelajar di Sekolah Rendah Murai ✓ seorang yang miskin dan hina nama: _____ ✓ sebagai watak dalam cerita (atau) sebagai watak jahat ✓ anak kecacatan fizikal ✓ anak bongsu, Rakul (tan lahir-lahir)
2	
3	
4	
5	

Guru juga memberi murid sebahagian cerita yang harus dikembangkan. Bahan-bahan bacaan dan rujukan digunakan kerana terdapat bahagian-bahagian dalam pakej yang memerlukan murid menjana idea dan menyusun urutan cerita. Ini berdasarkan kemahiran murid yang boleh membina ayat-ayat mudah walaupun masih ada beberapa kesalahan tatabahasa.

Bagi memantau keberkesanan pendekatan-pendekatan yang dipelajari, guru akan memberi latihan penulisan secara berperingkat. Guru menggunakan pelbagai kaedah seperti penulisan draf awal, penumpuan terhadap pengembangan bahagian isi utama dan peluasan bahagian penutup cerita melalui penggunaan rajah bagi menghasilkan bahagian penutup cerita.

Di samping penggunaan pelbagai lembaran kerja yang telah dibina dan dilaksanakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, maklumat serta butiran penting daripada hasil dapatan yang berhubung kait dengan kelaziman murid ketika mengarang juga telah berjaya dikumpul. Ini dilakukan agar dapat dijadikan rangkaian nota khas bagi murid apabila mereka ingin mengulang kaji untuk peperiksaan karangan. Himpunan nota-nota dan peringatan penting ini dihasilkan sebagai satu set nota pengayaan penulisan karangan. Khususnya, set nota ini merangkumi panduan-panduan utama dan senarai-senarai pengolahan dalam penulisan yang boleh dicontohi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji mengumpul dapatan data kualitatif dalam analisis perkembangan kemahiran dan kecekapan murid menerusi penggunaan senarai semak dan rajah. Bagi dapatan kuantitatif, penelitian dilakukan ke atas beberapa aspek yang berhubung rapat dengan strategi-strategi yang telah diajarkan kepada murid. Antara aspek yang diperhatikan adalah penggunaan bilangan frasa berbunga dan juga perkataan-perkataan baharu dan sukar. Bilangan murid yang dapat menggunakan aspek tatabahasa tertentu seperti kata hubung yang sesuai dan penanda wacana yang berkesan dalam mencantumkan idea-idea dalam cerita, draf awal atau perenggan-perenggan tertentu yang dikarang juga dipantau dalam kajian. Perbandingan markah juga diambil kira bagi praujian dan pascaujian. Kedua-duanya dijalankan sebelum peperiksaan SA1 dan SA2 bagi kertas karangan. Markah keseluruhan bagi peperiksaan karangan juga merupakan data yang digunakan untuk membuat perbandingan dari segi peratusan peningkatan dalam pencapaian dari sudut bilangan murid yang lulus, dan juga bilangan murid yang dapat meraih markah dalam jalur cemerlang atau Band 1, iaitu markah 30 ke atas hingga markah 40. Data juga akan memperlihatkan peratusan peningkatan pencapaian murid dalam ketiga-ketiga aspek pendekatan utama, iaitu dapatan daripada rubrik kemahiran



mengarang, prapenulisan dan pascapenulisan dan pencapaian murid dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun serta Peperiksaan Akhir Tahun 2018, selain daripada perbandingan markah sahaja.

Berdasarkan dapatan kajian, murid dapat menghasilkan karangan naratif yang berkesan. Jelas terdapat peningkatan pencapaian dalam kalangan murid. Pencapaian bagi kelas BM 5ML1 menunjukkan peningkatan pencapaian yang lebih ketara jika dibandingkan dengan pencapaian murid 5ML2. Hal ini turut disebabkan oleh faktor-faktor lain yang menjadi hambatan kecil kepada murid 5ML2. Ini termasuk tempoh masa yang agak panjang diperlukan untuk membina dan memperkukuh kemahiran asas mereka dalam penguasaan bahasa. Justeru, peningkatan pencapaian yang terdapat pada kelas ini hanya memaparkan jurang peningkatan yang kecil sahaja.

Namun begitu, kedua-dua kelas mampu menunjukkan kemajuan yang amat menggalakkan. Secara keseluruhan, dapat membiasakan diri mereka untuk melaksanakan pendekatan-pendekatan yang telah diajarkan kepada mereka. Ini termasuk membuat catatan berdasarkan bahan bacaan yang digunakan sebagai rujukan. Hal ini membantu proses berfikir murid. Seperti yang ditekankan dalam Amalan Pengajaran Singapura, guru harus menetapkan jangkaan dan rutin, bagi menyokong pembelajaran secara sendiri. Guru juga telah dapat menyediakan tugas yang bermakna supaya dapat menambah nilai pembelajaran murid.

Dapatan yang terhasil daripada kajian ini juga membuka ruang kepada guru untuk meneliti setiap pendekatan dan kaedah yang digunakan. Harapan pengkaji ialah agar murid akan dapat terus mengamalkan strategi-strategi yang telah membantu mereka mengarang dengan lebih yakin. Guru perlu menambah beberapa aspek penulisan penting yang lain. Guru juga perlu membimbing murid dalam cara-cara untuk meningkatkan lagi mutu penceritaan seperti teknik-teknik pengembangan plot, tema, watak dan latar dalam cerita supaya dapat meninggalkan kesan yang lebih mendalam terhadap pembaca.



Jadual 2: Taburan Peningkatan Markah Responden 5ML1

	P5ML1 2018 (27 murid Melebihi Aras kebolehan/Pada Aras Kebolehan)	Dapatan Kuantitatif			
			Lulus	%	Cemerlang
	Kaedah Kajian				
Bil	Peringkat 1 – Penggal 1				
1	Prapenulisan (40 markah)	18	67	4	15
2	Rubrik Kemahiran Karangan (20 markah)	20	74	6	19
Bil	Peringkat 2 – Penggal 2				
3	Ujian Percubaan/ <i>Mock Test</i> (40 markah)	22	81	6	22
4	Peperiksaan Pertengahan Tahun (40 markah)	25	93	9	33
Bil	Peringkat 3 – Penggal 4				
5	Pascapenulisan (40 markah)	27	100	8	30
6.	Rubrik Kemahiran Mengarang (20 markah)	23	85	11	41
7	Peperiksaan Akhir Tahun	26	26	10	37

Jadual 3: Taburan Peningkatan Markah Responden 5ML2

	P5ML2 2018 (17 murid Pada Aras Kebolehan/Praaras Kebolehan)	Dapatan Kuantitatif			
			Lulus	%	Cemerlang
	Kaedah Kajian				
Bil	Peringkat 1 – Penggal 1				
1	Prapenulisan (40 markah)	6	35	0	0
2	Rubrik Kemahiran Karangan (20 markah)	7	41	0	0
Bil	Peringkat 2 – Penggal 2				
3	Ujian Percubaan/ <i>Mock Test</i> (40 markah)	8	47	6	35
4	Peperiksaan Pertengahan Tahun (40 markah)	9	53	9	53
Bil	Peringkat 3 – Penggal 4				
5	Pascapenulisan (40 markah)	9	53	1	6
6.	Rubrik Kemahiran Mengarang (20 markah)	10	59	1	6
7	Peperiksaan Akhir Tahun	11	65	10	59

Jadual 4: Taburan Peratusan Peningkatan Pencapaian

	Peratusan			
	P5ML1 2018	P5ML1 2018	P5ML2 2018	P5ML2 2018
Kaedah Kajian	Lulus	Cemerlang	Lulus	Cemerlang
Prapenulisan dan Pascapenulisan	35%	15%	18%	6%
Rubrik Kemahiran Mengarang II dan II	11%	22%	18%	6%
Peperiksaan Pertengahan dan Akhir Tahun	4%	4%	12%	6%

KESIMPULAN

Pendekatan-pendekatan yang dikemukakan di dalam Pakej Kemahiran Karangan dan Pakej Ulasan Buku memberikan peluang kepada guru untuk menambah nilai hasil penulisan murid secara terkawal dari segi bentuk struktur, susunan cerita yang bertautan, pengembangan tema atau topik yang relevan dan sesuai, pengukuhan terhadap aspek-aspek tatabahasa serta pemantapan penguasaan bahasa yang penting dalam penghasilan karya penulisan yang berkesan. Pakej ini akan ditambah nilai berdasarkan hasil kerja murid agar dapat digunakan dengan lebih berkesan dalam PdP.

RUJUKAN

- Chien Hui YANG (2010). *Mental and developmental challenges*. Singapura: Pearson Education South Asia Pte Ltd.
- DPB Malaysia. (2008). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Didapatkan pada 25 Oktober 2018, <http://prpm.dbp.gov.my/Default.aspx>
- Ee Ah Meng (1999). *Pedagogi II pelaksanaan pengajaran*. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- K.K. Poon dan J. Khaw (2007). *Supporting students with special needs in mainstream schools*. Singapura: Pearson Education South Asia Pte Ltd.



- Noel Kok Hwee CHIA dan Pauline Tin Cheng POH (2009). *Specific language impairment: Characteristics and classroom intervention*. Singapura: Pearson Education South Asia Pte Ltd.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd
- (UPI) Universitas Pendidikan Indonesia. (2011). Pendekatan proses menulis untuk meningkatkan keterampilan menulis deskripsi di sekolah dasar. Didapatkan pada 26 Oktober 2017, http://repository.upi.edu/operator/upload/pgsd_0604018_chapter2.

